



8.9.2020

**KENYATAAN MEDIA OLEH  
YAB TUAN CHOW KON YEOW,  
PENGURUSI, PBA HOLDINGS BHD**

## **AGM PBA HOLDINGS BHD LULUS DIVIDEN AKHIR 1.75 SEN SESAHAM UNTUK TAHUN KEWANGAN 2019**

- Tahun ke-19 berturut-turut bayar dividen kepada pemegang saham.
- Jumlah perolehan dan pendapatan operasi lain sebanyak RM363.14 juta untuk 2019.
- PAT sebanyak RM25.15 juta untuk 2019.

PULAU PINANG, Selasa, 8.9.2020: Mesyuarat agung tahunan (AGM) ke-20 PBA HOLDINGS BHD (PBAHB) telah meluluskan dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham hari ini, untuk tahun kewangan berakhir 31.12.2019.

Dengan kelulusan dividen akhir ini, PBAHB (Rujukan stok: PBA – 5041) memberi ganjaran kepada para pemegang sahamnya dengan dividen satu peringkat bersih yang dicadangkan dan diisyiharkan sebanyak 3.50 sen untuk tahun kewangan 2019.

Awal tahun ini, pada 10.1.2020, syarikat telah membayar dividen interim pertama satu peringkat sebanyak 1.75 sen sesaham, bagi tahun kewangan 2019, kepada pemegang saham.

Untuk rekod, 2020 menandakan tahun ke-19 PBAHB membayar dividen kepada pemegang sahamnya.

Pada tahun yang dikaji, PBAHB mencatatkan jumlah perolehan dan pendapatan operasi lain berjumlah RM363.14 juta. Keuntungan selepas cukai (PAT) kami mencatatkan RM25.15 juta untuk 2019.

PAT PBAHB ini dicapai tanpa semakan semula tarif air di Pulau Pinang pada tahun 2019.



Tarif air domestik untuk penggunaan 35,000 liter air pertama sebulan di Pulau Pinang masih rendah di Malaysia, hanya RM0.32 per 1,000 liter. Sebagai perbandingan, purata nasional untuk kategori penggunaan domestik adalah 122% lebih tinggi, pada RM0.71 per 1,000 liter pada tahun 2018.

### **Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dalam Kejuruteraan Bekalan Air**

Pada tahun 2019, anak syarikat utama PBAHB, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP), terus membekalkan air dengan efektif dan efisien kepada seramai 1.77 juta penduduk, di Negeri Pulau Pinang.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PBAPP untuk 2019 meliputi:

- Liputan bekalan air 100% di kawasan bandar dan 99.8% di kawasan luar bandar. Purata nasional adalah 99.8% liputan bekalan bandar dan 96.6% liputan bekalan luar bandar pada tahun 2018.
- Membekalkan air secara 24/7, tanpa kejadian catuan air.
- Kualiti air yang dirawat dinilai salah satu daripada yang terbaik di Malaysia, berdasarkan keputusan ujian untuk 3,150 sampel air terawat yang diambil pada tahun 2019.
- Margin rizab air terawat 31.6%, tertinggi di Malaysia, berbanding purata nasional 12.7% pada 2018.
- Peratusan air tanpa hasil 22.9%, berbanding dengan purata nasional 38.0% pada tahun 2018.
- Purata tarif air domestik terendah di Malaysia untuk 35,000 liter pertama penggunaan domestik sebulan, hanya RM0.32 per 1,000 liter. Purata nasional adalah RM0.71 per 1,000 liter pada tahun 2018.
- Purata tarif perdagangan yang kompetitif iaitu RM1.36 untuk 500,000 liter pertama penggunaan perniagaan setiap bulan. Purata nasional adalah RM1.87 per 1,000 liter pada tahun 2018.

Secara umum, boleh dikatakan PBAPP terus menerajui pengurusan bekalan air di Malaysia pada tahun 2019.



## 12 Anugerah Utama

Sejajar dengan prestasi yang baik, PBAPP dan PBAHB juga menerima 12 anugerah utama pada tahun 2019. Yang paling cemerlang adalah:

- “Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019”, kerana memperjuangkan latihan kecekapan industri bekalan air di Malaysia;
- “MSOSH OSH Gold Merit Award” untuk pencapaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Loji Rawatan Batu Ferringhi Treatment;
- “Penang Top Achievers Award 2019”, untuk kecemerlangan industri dalam khidmat awam;
- “Employer Excellence Gold Award 2019”, dari Persekutuan Majikan-majikan Malaysia; dan
- “The Edge Malaysia Centurion Club & Corporate Award 2019” kerana memberikan pulangan tertinggi kepada pemegang saham selama tiga tahun di sektor telekomunikasi, media dan utiliti.

## Prospek untuk tahun 2020 dan seterusnya

Sejak Mac 2020, kesan pandemik Covid-19 global telah mengubah landskap sosio ekonomi di Malaysia dan Pulau Pinang.

Dalam tempoh 18.3.2020 – 31.8.2020, negara dan negeri kita telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) berturut-turut.

Ketika tempoh PKP, PBAPP terus setia membekalkan air kepada semua pengguna air berdaftar di Pulau Pinang, walaupun perubahan iklim telah menyebabkan hujan yang kurang sejak tahun 2019 sekaligus menyebabkan simpanan air mentah Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang di Pulau Penang semakin berkurangan.

Kami memastikan bekalan mencukupi untuk semua isi rumah kerana orang ramai perlu menghadkan pergerakan dan mereka tinggal di rumah untuk kekal selamat dari koronavirus.



Namun, harus diingat bahawa disebabkan PKP, penggunaan air “kategori perniagaan” menurun sebanyak 5.538 bilion liter, atau 8.59%, pada tempoh 1.1.2020 – 30.6.2020, berbanding tempoh sama pada tahun 2019. Penggunaan kategori perniagaan mewakili penggunaan oleh semua perniagaan, besar dan kecil, mulai daripada “kopitiam” kejiranan hingga perusahaan multinasional terbesar di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas.

Oleh kerana penggunaan perniagaan adalah sumber pendapatan utama PBAPP, kami menjangkakan 2020 akan menjadi tahun yang mencabar bagi PBAHB untuk menjana keuntungan yang baik. Jelas, tahun ini akan tercatat dalam sejarah sebagai tahun yang luar biasa, bukan sahaja untuk kita, tetapi juga bagi kebanyakan syarikat di Malaysia dan di seluruh dunia.

Walau bagaimanapun, Lembaga Pengarah dan pengurusan PBAHB akan terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam perniagaan teras kami iaitu membekalkan air di Pulau Pinang dan menjana pendapatan dari perkhidmatan kami.

Pendek kata, kami akan terus memberi tumpuan kepada memenuhi semua keperluan Pulau Pinang dalam bekalan air pada masa-masa yang mencabar ini.

Pada masa yang sama, kita juga harus meletakkan landasan untuk memastikan bekalan air yang baik pada masa hadapan, ketika Pulau Pinang dan dunia mulai pulih dari kesan Covid-19.

Pendekatan ini mencerminkan pandangan kami mengenai bekalan air sebagai “industri untuk masa hadapan”, serta komitmen berterusan kami untuk berkhidmat kepada rakyat Pulau Pinang sebaik mungkin.

Perlu diingat bahawa perkhidmatan bekalan air adalah perkhidmatan penting yang diberikan kepada semua isi rumah dan perniagaan setiap hari, dan PBAPP adalah operator bekalan air berlesen yang memberi khidmat kepada Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)